

Al-Arqam: Kerajaan perlu tunggu fatwa

BH 27 JUL 1984

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan perlu menunggu keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung fahaman serta kegiatan al-Arqam sebelum mengambil sebarang tindakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebarang tindakan terhadap al-Arqam mesti dibuat secara rasmi berdasarkan pendirian serta ajaran Islam.

Katanya, kerajaan tetap mengambil tindakan terhadap kegiatan pertumbuhan itu kerana ia sudah menyimpang jauh daripada lunas ajaran Islam.

"Kalau kita tidak mengambil tindakan, kita bersalah dari segi tanggungjawab. Tetapi, sebelum mengambil tindakan, kita perlu jelaskan kepada rakyat kenapa tindakan ini perlu diambil," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perayaan seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan di sini, hari ini.

Ditanya bila kerajaan akanewartakan fatwa berhubung kedudukan fahaman dan kegiatan al-Arqam, Dr Mahathir ber-

kata: "Ini memerlukan tindakan secara rasmi. Kita perlu menunggu sehingga Majlis Fatwa Kebangsaan ini mengadakan perjumpaan. Ia membabitkan semua negeri dan mereka harus membuat keputusan berdasar kepada pendirian agama Islam."

Pada 3 Julai lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Pusat Islam akan mengeluarkan satu fatwa seragam berhubung kedudukan fahaman serta kegiatan al-Arqam yang didakwa menyelewengkan akidah untuk diterima pakai serta dijadikan panduan oleh umat Islam di seluruh negara.

Menurutnya, Pusat Islam akan memanggil mufti setiap negeri untuk bersidang secepat mungkin, sebelum mengeluarkan fatwa seragam itu.

Fatwa itu perlu bagi dijadikan panduan kepada umat Islam mengenai fahaman Aurad Muhammadiyah yang terpesong daripada ajaran Islam sebenar. Pemimpinnya, Ashaari Muhammad menggunakan gerakan itu untuk kepenti-

ngan sendiri.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini kerajaan memberi penerangan serta menjelaskan kepada rakyat bahawa kegiatan al-Arqam itu sudah jauh menyimpang.

Menurutnya, rakyat perlu dijelaskan apa sebenarnya al-Arqam dan kenapa kerajaan menganggap ajarannya sesat.

Oleh itu, katanya, menjadi tanggungjawab kerajaan dan media massa untuk menerangkan bagaimana kegiatan al-Arqam itu menyeleweng.

"Umpamanya Ashaari menganggap atau telah menjelaskan bahawa dia mempunyai sifat-sifat Tuhan, sama dengan Tuhan serta biasa bercakap dengan Nabi Muhammad dan nabi-nabi lain.

"Ini jelas sekali orang ini (Ashaari) sudah menjadi begitu angkuh dan dia menganggap dirinya mempunyai sifat Tuhan... ini jauh daripada ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan boleh mengharamkan kegiatan al-Arqam, tetapi dalam masa yang sama tidak boleh menahan seseorang tanpa alasan.